

MAHATHIR - MANDELA  
DARIPADA AZMAN UJANG

(I)

LUSAKA, 28 FEB (BERNAMA) -- MALAYSIA AKAN MENAWARKAN SEGALA BANTUAN YANG TERMAMPU KEPADA KONGRES KEBANGSAAN ARFIKA (ANC) DALAM PERJUANGANNYA MEMBEBASAKAN MAJORITI KAUM KULIT HITAM DI AFRIKA SELATAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYATAKAN JAMINAN INI KEPADA PEMIMPIN ANC NELSON MANDELA SEWAKTU PERTEMUAN EMPAT MATA ANTARA MEREKA DI RUMAH KERAJAAN, KEDIAMAN RASMI PRESIDEN ZAMBIA, DI SINI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PEMBERITA MALAYSIA SELEPAS PERTEMUAN TERSEBUT BAHAWA BELIAU JUGA MENGUNDANG MANDELA KE MALAYSIA.

KATANYA, MANDELA MENERIMA UNDANGAN ITU TETAPI BELIAU MUNGKIN TIDAK DAPAT MELAWAT MALAYSIA PADA MASA INI KERANA BELIAU TERPAKSA MEMENUHI BANYAK UNDANGAN DARI NEGARA-NEGARA LAIN, DAN KERANA KESIBUKANNYA MENGURUSKAN ANC.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN KEDATANGANNYA KE SINI ATAS UNDANGAN PRESIDEN ZAMBIA KENNETH KAUNDA UNTUK MENEMUI MANDELA SEBAGAI PENGHORMATAN KEPADA MALAYSIA DAN PENGIKTIRAFAN TERHADAP PENDIRIAN TEGAS NEGARA MENENTANG APARTEID DAN SEKATAN KE ATAS REJIM PRETORIA BAGI MENAMATKAN SISTEM PERKAUMAN ITU.

+KAMI SENTIASA BERPENDIRIAN TEGAS TERHADAP APARTEID SEJAK PEMERINTAHAN TUNKU ABDUL RAHMAN LAGI,+ TAMBAHNYA. -- LAGI  
0017MST 01 03 90

0346

U B754 AAB  
MAHATHIR - MANDELA 2 LUSAKA

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG SEBELUM ITU MEMPENGERUSIKAN SATU MESYUARAT ANTARA KUMPULAN KOMANWEL DAN MANDELA SERTA PARA PEGAWAI ATASAN ANC, BERKATA MESYUARAT ITU BERSETUJU SEBULAT SUARA BUKAN SAJA UNTUK MENERUSKAN SEKATAN TETAPI JUGA MENINGKATKAN LANGKAH-LANGKAH SEUMPAMA ITU SEHINGGA APARTEID DIHAPUSKAN.

MESYUARAT DUA JAM ITU, YANG TURUT DIHADIRI OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN SEMUA NEGARA PERBATASAN SELATAN ARFIKA, MEMBOLEHKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN ITU MENDENGAR SENDIRI DARIPADA MANDELA TENTANG LANGKAH-LANGKAH MASA DEPAN YANG PERLU DIAMBIL KE ARAH MENINGKATKAN PERJUANGAN ANC.

BELIAU BERKATA, SEKATAN-SEKATAN ITU AKAN DIKAJI SEMULA HANYA SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (UNGA) MEMUTUSKAN SAMA ADA KERAJAAN AFRIKA SELATAN TELAH MELAKSANAKAN PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG PERLU DI NEGARA ITU ATAU TIDAK. UNGA DIJANGKA MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI PERKARA ITU PADA 30 JULAI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ANTARA LAIN, MANDELA MEMINTA BANTUAN KEWANGAN UNTUK MENAMPUNG KOS OPERASI ANC, DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN KERAJAAN YANG HADIR MEMBERI JAMINAN AKAN MENIMBANGKAN PERMINTAAN ITU.

MANDELA JUGA MEMBERITAHU MESYUARAT ITU BAHAWA PERPECAHAN ANTARA KUMPULAN KAUM DI ARFIKA SELATAN DALAM MENENTANG REJIM ITU MERUPAKAN SATU MASALAH BESAR WALAUPUN ANC IALAH PERTUBUHAN YANG TERBESAR DAN PALING AKTIF.

-- LAGI

0349

U B755 AAB  
MAHATHIR - MANDELA 3 LUSAKA

SATU LAGI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH ANC IALAH BANYAK ANGGOTA JAWATANKUASA EKSEKUTIF KONGRES ITU MASIH DALAM BUANGAN DAN MEREKA TIDAK BOLEH BALIK KE AFRIKA SELATAN SELAGI KERAJAAN NEGARA ITU TIDAK MEMBERI JAMINAN YANG MEREKA TIDAK AKAN DITAHAN APABILA PULANG.

+PENYERTAAN SAYA PADA MESYUARAT ITU BERSAMA-SAMA MANDELA ADALAH SATU PENGHORMATAN DAN PENGIKTIRAFAN DI ATAS PERANAN DAN SOKONGAN AKTIF MALAYSIA TERHADAP ANC DAN PENENTANGAN TERHADAP APARTEID,+ TAMBAHNYA.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGHADIAHI MANDELA SEBILAH KERIS PERAK, YANG MENURUTNYA, +DIGUNAKAN SEBAGAI SENJATA PADA MASA DAHULU TETAPI PADA MASA INI DIGUNAKAN SEBAGAI BARANG HIASAN.+

PERDANA MENTERI JUGA MENGHADIAHKAN SEPUCUK SURAT SEBAGAI TANDA SOKONGAN RAKYAT MALAYSIA KEPADA ANC.

MANDELA PULA MENYIFATKAN HADIAH ITU SUNGGUH BERMAKNA.

PEMIMPIN ANC ITU JUGA MENYIFATKAN KERIS TERSEBUT SEBAGAI SIMBOL PERSAHABATAN DAN KASIH SAYANG RAKYAT MALAYSIA TERHADAP PERJUANGAN KULIT HITAM DI NEGARA MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERGAMBAR BERSAMA-SAMA KELUARGA MANDELA, TERMASUK ISTERINYA WINNIE, DUA ANAK PEREMPUANNYA ZENI DAN ZENANI, SERTA SEORANG CUCUNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR DENGAN JET EKSEKUTIF KERAJAAN MALAYSIA MELALUI SEYCHELLES. BELIAU DIJANGKA TIBA DI KUALA LUMPUR PADA PAGI KHAMIS. -- BERNAMA  
0040MST 01 03 90